



## Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Kematian yang Mengejutkan.”

Tarikh : 24 Januari 2022

Pengacara Majlis : Puan Haslinda binti Haris

Bacaan Doa : Encik Mohd Nasir bin Rais

Perkongsian Ilmu: Dr. Mohd Firdaus Akmal bin Azman

Semua yang bernyawa di alam ini pasti merasai mati. Kematian sesuatu yang rutin dalam kehidupan kita. Berdasarkan unjuran data, setiap minit 120 orang mati. Ini bermakna setiap minit di seluruh dunia pasti ada yang meninggal. Kematian hanya akan meninggalkan kesan yang mendalam apabila berlaku dalam kehidupan peribadi seseorang.

Kita boleh menerima kenyataan seseorang itu mati dalam kemalangan akibat cedera tetapi, sukar bagi kita menerima kenyataan sekiranya seseorang itu meninggal secara mengejut. Contohnya seseorang yang tidak berpenyakit meninggal ketika bersukan atau tidur. Kematian mengejut adalah satu perkara yang luar biasa, tetapi bukan satu yang luar biasa untuk petugas kesihatan. Kematian mengejut bukan sahaja berlaku ketika penularan wabak Covid-19, ianya telah berlaku sejak dahulu lagi.

Biasanya kematian yang luar biasa disebabkan masalah jantung bengkak, saluran jantung tersumbat serta berlaku pendarahan dalam otak walaupun keadaan fizikal tidak mengalami kecederaan.

